

24 FEB 1996

Mahathir-Sabah

TEMPOH PERKHIDMATAN SALLEH SAID KERUAK DILANJUTKAN

KUALA LUMPUR, 24 Feb (Bernama) -- Tempoh perkhidmatan Ketua Menteri Sabah, Datuk Salleh Said Keruak dilanjutkan sehingga Perdana Menteri membuat keputusan mengenai pengiliran jawatan ketua Menteri di kalangan parti-parti komponen utama Barisan Nasional (BN) Sabah.

Dr Mahathir Mohamad yang juga Pengerusi BN berkata tempoh perkhidmatan dua tahun Salleh yang tamat pada 17 Mac depan terpaksa dilanjutkan sehingga beliau membuat keputusan mengenai perkara itu.

Tempoh itu juga perlu bagi mengambil tindakan-tindakan tertentu termasuk meminda perlembagaan negeri Sabah serta undang-undang negeri itu yang dijangka mengambil masa beberapa bulan, katanya kepada pemberita selepas majlis penerimaan cek daripada beberapa penaja bagi lumba basikal Le Tour de Langkawi.

Dr Mahathir berkata adanya masalah di Sabah kerana Ketua Menteri terlalu berkuasa dalam memerintah negeri itu berbeza dengan Ketua-ketua Menteri dan Menteri-menteri Besar lain.

"Ini menimbulkan keraguan pada pihak yang tidak dapat mengisi jawatan itu," katanya

Dr Mahathir berkata pindaan perlembagaan negeri Sabah dan undang-undang negeri itu akan mengurangkan kuasa memerintah Ketua Menteri Sabah.

Menurut beliau, usaha meminda perlembagaan negeri Sabah serta undang-undang negeri itu akan dibuat secepat mungkin tetapi ia terpulang kepada pihak yang terbabit kerana ia melibatkan perbandingan dengan perlembagaan dan undang-undang negeri lain.

Beliau yakin sebarang keputusan yang akan diambil mengenai pengiliran jawatan Ketua Menteri Sabah itu akan diterima dengan baik oleh semua komponen BN Sabah.

"Saya sudah menerima persetujuan bertulis daripada semua parti komponen yang menyokong sebarang keputusan yang akan saya buat mengenai perkara itu. Dan ini akan memudahkan saya untuk menyelesaikan masalah itu nanti," katanya.

Dr Mahathir yakin sebarang keputusan yang akan dibuat mengenai perkara itu adalah yang terbaik kepada penyelesaian yang sukar tetapi ia baik untuk seluruh Sabah dan bukan hanya sesebuah parti tertentu.

" Saya selaku pengerusi Barisan Nasional tidak boleh memihak kepada sesebuah parti komponen tetapi keputusan itu perlu memuaskan BN sendiri," katanya.

Beliau juga berkata Umno tidak berhasrat untuk mengembangkan sayapnya ke Sarawak seperti yang dilakukan di Sabah. Umno memasuki Sabah kerana keadaan memaksanya, kata beliau lagi. -- BERNAMA

ARA PR